

# **BAB 5**

## **MENGEMBALIKAN PERANAN BELIA NEGARA BERFIKIRAN POLITIK MATANG DI MALAYSIA**

*Shamrahayu Ab. Aziz dan Nur Azuki Yusuff*

### **PENDAHULUAN**

Bab ini menfokuskan corak kefahaman sebenar politik dan pentadbiran negara yang perlu difikirkan oleh belia negara. Belia negara bakal mewarisi negara Malaysia gemilang, justeru perbincangan lebih menekankan perkembangan isu politik dan pentadbiran dalam negara dengan memberikan contoh yang boleh dikaitkan dengan isu-isu atau perkara yang boleh dibincangkan.

Pengurusan politik yang berkaitan pentadbiran tidak akan dibincangkan oleh penulis, begitu juga hal hubungan luar dan dasar luar negara, hal parti politik dan politik wang, walaupun hakikatnya ia menjadi topik utama masyarakat pengundi apabila tiba musim pilihan raya. Bab ini akan menyentuh sistem pentadbiran negara terutamanya sistem demokrasi (Junaidi et al., 2021).

### **POLITIK DAN PENTADBIRAN**

Perkataan politik dalam bahasa Arab adalah ‘siyasah’, yang turut digunakan oleh masyarakat Malaysia. Di Malaysia, politik lebih kepada konteks kenegaraan iaitu termasuk berkaitan dengan hak dan tanggungjawab negara atau digunakan perkataan sebagai kewarganegaraan dan bukan untuk menjadi warganegara. Tetapi inti pati kepada kenegaraan itu adalah hak dan tanggungjawab sebagai seorang warganegara dan akan melihat